

B719:  
PELAKSANAAN  
(I)

205

1982

KUALA LUMPUR, 14 APRIL (BERNAMA) -- SATU CORAK KERJA YANG SISTEMATIK PERLU DISUSUN BAGI MENJAMIN PELAKSANAAN BERKESAN SEGALA PROJEK, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD.

SETIAP PEGAWAI PELAKSANA MESTILAH DIKEHENDAKI MENGETAHUI DAN DIUJI MENGENAINYA, TAMBAH PERDANA MENTERI DALAM SEBUAH RENCANA MENGENAI PELAKSANAAN YANG BARU DITERBITKAN.

+HANYA SETELAH SETIAP ORANG BENAR-BENAR FAHAM TENTANG PERNNAN, TANGGUNGJAWAB DAN KUASANYA BARU PERLAKSANAAN BOLEH DIHARAPKAN BERKESAN,+ KATA BELIAU.

RENCANA ITU TERKANDUNG DALAM KELUARAN TERBARU BULETIN INSTITUT TABIRAN AWAM NEGARA (INTAN).

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PELAKSANAAN MEMANG JELAS SATU ASPEK KERJA YANG PALING SUKAR DAN MEMERLUKAN LATIHAN YANG AGAK INTENSIF WALAUPUN HANYA MELIBATKAN PROJEK-PROJEK KECIL. --  
BERSAMBUNG 2106/ZCM

#### PELAKSANAAN 2 KUALA LUMPUR

+NAMUN DEMIKIAN PEGAWAI-PEGAWAI YANG SEBENARNYA TERLIBAT DALAM PELAKSANAAN JARANG SEKALI ATAUPUN TIDAK LANGSUNG DILANTIK DALAM PENGURUSAN PROJEK.

+MEREKA DIKEHENDAKI MENIMBA PENGALAMAN SEMASA MENJALANKAN TUGAS. AKIBATNYA PROJEK-PROJEK TERGENDALA DAN MEMAKAN BELANJA KERANA KELAMBATAN BIASANYA MEMAKAN WANG YANG BANYAK.+

PERDANA MENTERI MENEKANKAN BAHAWA PELAKSANAAN MERUPAKAN SATU PERKARA YANG PERLU DIKAJI DAN DIAJAR KEPADA SETIAP ORANG YANG ADA KAITAN DENGAN SEBARANG ASPEK PELAKSANAAN.

INI BERMAKNA BUKAN SAHAJA PENGURUS PROJEK TETAPI JUGA KERANI, JURUTERA, AKITEK, KONTRAKTOR DAN LAIN-LAIN -- SETIAP ORANG MESTILAH MENELITI PENGURUSAN PROJEK ATAU SEKURANG-KURANGNYA SEBAHAGIAN DARIPADANYA YANG MELIBATKANNYA.

+SETIAP PEGAWAI DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN MESTILAH SEDAR TENTANG KEPERLUAN INI DAN PELUANG HENDAKLAH DIBERIKAN KEPADANYA UNTUK MEMPELAJARI MELALUI PENGALAMAN LAIN-LAIN PEGAWAI,+ UJAR BELIAU. -- BERSAMBUNG 2118/ZCM

PELAKSANAAN 3 KUALA LUMPUR 2'2'2'

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAGI MENCAPAI TAHAP KECEKAPAN DI MANA SETIAP PELAKSANA ITU MENGETAHUI DENGAN JELAS APA YANG IA DIKEHENDAKI MELAKUKAN DAN BAGAIMANA IA PATUT MELAKSANAKANNYA, MESTILAH ADA ANALISA YANG BERTERUSAN MENGENAI SEMUA KERJA YANG TERLIBAT DALAM PELAKSANAAN.

INI TERMASUK MENGATATKAN SECARA SISTEMATIK SEMUA MASALAH YANG TERLIBAT, BAGAIMANA IA DIATASI, JANGKA MASA IA DISELESAIKAN DAN LAIN-LAIN BUTIRAN.

PERBICANGAN DAN BERTUKAR-TUKAR MAKLUMAT DAN PENGALAMAN MESTILAH DILAKUKAN PADA SETIAP MASA DAN LEBIH KERAP. SEMINAR, WKSYP DAN PERBINCANGAN BERKUMPULAN HENDAKLAH DITUJUKAN TERHADAP MENYESUAI-KENALKAN PEGAWAI-PEGAWAI PELAKSANA DAN PENGURUS-PENGURUS PROJEK DENGAN MASALAH-MASALAH DAN PENYELESAIAN YANG MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA PROSES PELAKSANAAN.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA RANCANGAN DAN KEPUTUSAN YANG KERAP DIBUAT TIDAK AKAN TERCAPAI KERANA KETIDAKUPAYAAN MELAKSANAKANNYA.

SALAH SATU MASALAH IALAH TAFSIRAN: PARA PERANCANGAN ATAU PEMBUAT KEPUTUSAN MUNGKIN MEMPUNYAI SATU PROJEK YANG AGAK MURAH DAN MUDAH TETAPI KEPADA PIHAK PELAKSANA PULA, IA MUNGKIN RUMIT DAN MENELAN BELANJA YANG BANYAK. --BERSAMBUNG 2215/AH

B724

PELAKSANAAN 4 KUALA LUMPUR 2'2'2'

+DALAM KEBANYAKAN PROJEK, ANGGARAN PARA PERANCANG DAN PEMBUAT KEPUTUSAN ADALAH JAUH LEBIH RENDAH DARIPADA JUMLAH YANG DIBUAT OLEH PELAKSANA, + TAMBAHNYA.

KATANYA SEKIRANYA KOS DAN KERUMITAN PROJEK ITU DIKEMBALIKAN SEMULA KEPADA PERANCANG DAN PEMBUAT KEPUTUSAN LEBIH AWAL, KEPUTUSAN ITU MUNGKIN BOLEH DISESUAIKAN SEMULA +TETAPI PADA MULANYA PARA PELAKSANA SENDIRI TIDAK MENGETAHUI TENTANG IMPLIKASI TAFSIRAN MEREKA. +

+MEREKA AKAN TERUS MELAKSANAKANNYA SEHINGGA DENGAN TIBA-TIBA MEREKA MENDAPATI APA YANG MEREKA LAKSANAKAN ADALAH TERLALU MAHAL DAN KOMPLEKS DARIPADA YANG DIFIKIRKAN OLEH PARA PERANCANG ATAU PEMBUAT KEPUTUSAN.

+KETIKA ITU ADALAH TERLALU LEWAT UNTUK BERBUAT APA-APA DAN OLEH YANG DEMIKIAN PARA PEMBUAT KEPUTUSAN, PERANCANG DAN PELAKSANA TERJERAT DALAM PERANGKAP MEREKA SENDIRI DAN TIDAK DAPAT KELUAR DARIPADANYA, + KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR. --BERNAMA 2220/AH